

## Nasional



Pengunjung mendapatkan maklumat mengenai rumah yang ingin dibeli pada Pameran MyRumah 2019 di Johor Bahru, semalam.



Pengunjung mencuba permainan roda pusing dan menang. (Foto Mohd Azren Jamaludin)

# Warga Johor serbu pameran MyRumah

Pengunjung tak lepas peluang dapatkan tip beli hartanah

Oleh Nurul Amanina Suhaini  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Pameran MyRumah 2019 anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Komtar JBCC, dekat sini, menerima sambutan membarangsangkan.

Sambutan menunjukkan warga sekitar bandar raya bijak memanfaatkan peluang, mendapatkan maklumat diperlukan.

Pameran MyRumah kali ini menawarkan nilai rumah antara RM300,000 hingga RM500,000.

Sesi ceramah yang berkesan

**myrumah**  
PAMERAN HARTANAH  
16 - 18 Ogos 2019 | 10 pagi - 10 malam  
KOMTAR JBCC, Johor Bahru

MyRumahMPB

dari pakar hartanah adalah keistimewaan pada pameran MyRumah pada kali ini, berikutan panduan bernas berkaitan belian rumah hanya boleh diper-

oleh sepanjang tiga hari program.

Panduan atau tip daripada pakar juga sekurang-kurangnya memberi pengetahuan berguna kepada pengunjung, sama ada sedang merancang untuk memiliki rumah atau menceburi pelaburan hartanah.

Ini sejajar dengan matlamat penganjur, yang antara lain menyasarkan golongan pembeli rumah kali pertama dan mereka yang ingin melabur dalam hartanah di sekitar negeri ini.

Siri ketiga pameran hartanah MyRumah Komtar JBCC itu



Pakar hartanah berkongsi tip mengenai pembelian rumah.

yang berlangsung sejak Jumaat lalu, disertai oleh lapan pemapu, iaitu Bukit Pelali Properties Sdn Bhd, Dynasty View Sdn Bhd, GuocoLand (Malaysia) Berhad, Johor Land Berhad; KPKT serta Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Seri Alam Properties Sdn Bhd, UDA Land (South) Sdn Bhd.

Ya juga turut disertai Lionmas Bank Berhad, Lionmas Fashions (M) Sdn Bhd, Oriental Food Industries Sdn Bhd, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful Ikhlas Bhd.



**Kawasan masih membangun adalah lebih baik, berbanding rumah di kawasan yang sudah membangun.**

Khalil Adis,  
Pengasas Khalil Adis  
Consultancy Pte Ltd

## Ambil kira lokasi sebelum beli rumah

**Johor Bahru:** Ilmu mengenai hartanah membantu individu untuk merancang pembelian rumah, sekali gus mengelak daripada mengalami kerugian masa dan wang.

Pengasas Khalil Adis Consultancy Pte Ltd, Khalil Adis, berkata tidak dinafikan kemampuan setiap individu itu berbeza, namun dengan pengetahuan yang diperoleh, khususnya daripada pakar hartanah akan membantu memenuhi impian memiliki rumah pertama.

"Lokasi adalah yang utama. Harus faham apabila mencari lokasi kediaman di kawasan yang masih membangun adalah lebih baik, berbanding mendapatkan rumah di kawasan yang sudah membangun.

"Selain ia mampu milik, kawa-

san yang masih membangun tidak sesak dan sekiranya difikirkan kalau sudah membangun, akan ada potensi untuk harga rumah lagi tinggi.

"Semak harga pasaran rumah. Semak juga pemacu ekonomi hartanah yang membangunkan kawasan itu dan perlu faham bahawa pemapu yang bagus adalah pemapu yang mementingkan kemudahan seperti laluan jalan, stesen Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) atau 'pelan induk pengangkutan' di kawasan pembangunan demi kesejahteraan penduduk yang tinggal di situ kelak," katanya ketika ditemui pada Pameran Hartanah, MyRumah 2019 anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Komtar JBCC, semalam.

Khalil berkata, semak laman web Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, terutama projek perumahan di bawah badan kerajaan.

"Projek perumahan di bawah badan kerajaan memberi gambaran apa yang akan berlaku dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang di kawasan itu, sekali gus menawarkan manfaat kepada pembeli yang merancang membeli rumah," katanya.

MyRumah 2019 di Johor menawarkan lebih 3,397 unit kediaman dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM2.2 bilion.

Siri ketiga pameran hartanah MyRumah Komtar JBCC itu bermula Jumaat lalu disertai lapan pemapu, iaitu Bukit Pelali Properties Sdn Bhd, Dynasty View Sdn

Bhd, GuocoLand (Malaysia) Berhad, Johor Land Berhad, serta Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Seri Alam Properties Sdn Bhd dan UDA Land (South) Sdn Bhd.

Yang turut serta, MBS Bank Berhad, Lionmas Furnish Sdn Bhd, Oriental Food Industries Sdn Bhd, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful Ikhlas Bhd.

Siri pertama MyRumah di pusat beli-belah N Kuala Lumpur, pada Mac diikuti siri kedua AEON Big Melaka, bulan lalu.

Selepas Johor Bahru, siri pameran hartanah MyRumah akan diteruskan di Pulau dan Shah Alam.